

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 29 TAHUN 2005

**PINDAAN TAKRIF WILAYAH BAGI PEGAWAI YANG
BERTUKAR WILAYAH**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan pindaan takrif wilayah bagi pegawai yang bertukar wilayah.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan semasa yang berkuatkuasa telah menetapkan bahawa takrif wilayah adalah Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah di mana Labuan adalah termasuk dalam takrif wilayah Sabah.

3. Kerajaan telah bersetuju supaya Labuan ditakrif sebagai wilayah berasingan dari Sabah.

PELAKSANAAN

4. Berikutan keputusan Kerajaan tersebut, takrif wilayah adalah Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Labuan bagi tujuan pemberian elaun dan kemudahan untuk pegawai yang bertukar wilayah.

PINDAAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, takrif wilayah di perenggan 2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987, perenggan 2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1997 dan perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 dipinda selaras dengan keputusan Kerajaan mengiktiraf Labuan sebagai sebuah wilayah.


TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2006**.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

14 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan